

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA**

**TARIKH : 17 OKTOBER 2016 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan :-**

- (a) apakah langkah Kementerian dalam membendung gejala seks luar nikah di kalangan remaja atau "juvenile rapist"; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan yang diberikan bagi menangani gejala tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

LPPKN di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengambil inisiatif melaksanakan program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Seksualiti iaitu Program PEKERTI fokus kepada remaja dan ibu bapa sebagai langkah untuk menangani isu hamil tanpa nikah dalam kalangan remaja bagi menangani isu-isu sosial yang melibatkan remaja masa kini. Di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan 2009 adalah bertujuan untuk melahirkan individu yang berpengetahuan dan mempunyai sikap positif dalam bidang kesihatan reproduktif dan sosial. Program PEKERTI mula dilaksanakan bermula tahun 2011 dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, swasta, NGO serta pemimpin masyarakat melalui program-program seperti berikut:-

**a) PEKERTI@PLKN**

LPPKN dengan kerjasama Jabatan Latihan Khidmat Negara telah melaksanakan Program PEKERTI@PLKN semenjak tahun 2011. Program ini memberikan kefahaman kepada golongan remaja bahawa tingkah laku seksual mempunyai kesan dan akibat kepada

diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Sejak diperkenalkan pada Jun 2011 sehingga Januari 2015, sejumlah 267,121 orang pelatih PLKN di 81 kem PLKN seluruh negara telah mendapat pendidikan tersebut.

**b) PEKERTI@Sekolah**

LPPKN dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI) sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah untuk murid Tahun 6 iaitu selepas UPSR, pelajar Tingkatan 3 iaitu selepas PT3 (Penilaian Tahap 3) dan pelajar Pendidikan Khas di sekolah-sekolah terpilih di seluruh Malaysia mulai tahun 2012. Sehingga 2015 seramai 10,025 orang pelajar dari 141 sekolah telah mengikuti program ini.

**c) PEKERTI@IPGM**

LPPKN telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) pada tahun 2014 untuk melatih para pensyarah IPGM seluruh Malaysia bagi melaksanakan program PEKERTI@IPGM kepada bakal guru sekolah rendah. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan berkaitan kesihatan reproduktif dan sosial kepada bakal guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Pengetahuan dan kemahiran ini akan dapat membantu guru ini kelak di dalam pengajaran dan pembelajaran subjek kesihatan reproduktif di sekolah. Sehingga Oktober 2015 seramai 2,118 orang pensyarah dan bakal guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan daripada 25 buah IPGM telah mengikuti program PEKERTI@IPGM ini.

**d) PEKERTI@KOMUNITI**

Program pendidikan kesihatan reproduktif kepada golongan berisiko tinggi turut diperluaskan pada tahun 2014 untuk merangkumi penghuni institusi JKM seperti Sekolah Tunas Bakti (STB), Taman Seri Puteri (TSP), Rumah Kanak-kanak (RKK), Asrama Akhlak, pelajar sekolah berasrama penuh (SBP), remaja dan ibu bapa di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR), pemimpin komuniti seperti Rukun Tetangga. Usaha ini merupakan bagi pencegahan awal kepada golongan berisiko tinggi. Secara keseluruhan sebanyak 55 program telah dijalankan sepanjang tahun 2014 hingga Disember 2015 yang melibatkan seramai 2,257 peserta. Bagi tahun 2016 bermula Januari hingga Ogos, LPPKN telah melaksanakan sebanyak 46 program yang melibatkan 2,339 remaja dan 12 program yang melibatkan 736 ibu bapa.

Kementerian percaya dengan segala langkah dan inisiatif yang diambil dapat membendung fenomena tingkah laku seksual tidak sihat dalam kalangan remaja di Malaysia. Dengan pendedahan maklumat yang betul dan latihan pembangunan kemahiran diri yang bersesuaian, golongan remaja dapat diperkasakan dengan pengetahuan dan kemahiran bagi membantu mereka dalam membuat pilihan serta keputusan yang bijak berhubung kesihatan reproduktif dan seksual remaja.

**e) Program Outreach Kafe@TEEN**

Di bawah Program PEKERTI, LPPKN telah mendirikan 16 buah Pusat Remaja kafe@TEEN di sepuluh buah negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, W.P Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Kelantan, Sarawak dan Sabah. Konsep Pusat Remaja kafe@TEEN adalah mesra remaja dan bertujuan untuk meningkatkan akses kepada maklumat serta perkhidmatan kesihatan reproduktif dalam kalangan remaja yang berumur 13-24 tahun. Pusat Remaja kafe@TEEN juga menawarkan perkhidmatan kesihatan, khidmat kaunseling psikososial serta program pendidikan dan pembangunan kemahiran (*skills building*) untuk golongan remaja. Sejak penubuhannya pada 2006 sehingga Jun 2016, sebanyak 344,093 remaja telah mengambil bahagian dalam program-program pendidikan dan pembangunan kemahiran manakala 21,233 remaja telah mendapatkan perkhidmatan kesihatan reproduktif.

Melalui program PEKERTI, LPPKN telah melaksanakan bengkel Kejurulatihan (TOT) bagi melatih fasilitator-fasilitator yang terdiri daripada pegawai-pegawai LPPKN, Pelatih-pelatih PLKN, Guru-guru Disiplin, Warden Asrama, Guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Kaunselor, NGO, Pemimpin Komuniti, Rakan Pembimbing Sebaya (PRS) bagi menyampaikan maklumat berkaitan kesihatan reproduktif dan seksualiti remaja kepada golongan sasaran.

Bengkel latihan ini dijalankan secara pakej menggunakan modul PEKERTI iaitu:-

(i) **Modul Cakna Diri (I'm In Control) – Edisi Remaja**

Modul ini khusus untuk memberi kemahiran bagi menghindari dan mengurangkan tingkah laku seksual yang boleh mengakibatkan kehamilan yang tidak dirancang, penyakit jangkitan seksual dan jangkitan HIV.

Fokus modul ini ialah :-

**A. MAKLUMAT**

Memberi maklumat yang tepat mengenai seksualiti manusia termasuk perubahan fizikal dan emosi semasa remaja, reproduksi manusia, kehamilan, kekeluargaan, tingkah laku seksual dan kesihatan reproduktif.

**B. SIKAP DAN NILAI :**

Membantu remaja menyoal, meneroka dan menilai pola tingkahlaku dan sikap mereka terhadap kesihatan seksual dan reproduktif supaya dapat membina nilai-nilai positif, meningkatkan jati diri, lebih peka terhadap isu gender dan meningkatkan kefahaman mereka terhadap peranan dan tanggungjawab sebagai remaja, ahli keluarga dan kepada orang lain.

### **C. PERHUBUNGAN DAN KEMAHIRAN INTERPERSONAL**

Membantu remaja membina kemahiran interpersonal, termasuk komunikasi dengan rakan sebaya dan ibu bapa, membuat keputusan, kemahiran dan kebijaksanaan untuk mengatakan 'tidak' kepada rakan sebaya dan mengekalkan perhubungan yang sihat dan bertanggungjawab.

Kandungan modul ini terbahagi kepada tiga bab iaitu :-

#### **(i) Kesihatan reproduktif**

Remaja memahami tentang definisi dan konsep seksualiti dan nilai dan tanggungjawab seksual dalam kehidupan seharian. Remaja mempunyai hak seksual yang merangkumi hormat dan tanggung jawab terhadap diri sendiri dan juga orang lain. (*Rights, Respect and Responsibilities*)

#### **(ii) Teknik Menghindari Seks Sebelum Kahwin**

Remaja diberi kemahiran untuk menghindari dan mengurangkan tingkah laku seksual yang berisiko yang boleh mengakibatkan kehamilan tidak dirancang, penyakit jangkitan seksual dan jangkitan HIV. Remaja juga mempelajari teknik menghindari seks sebelum berkahwin melalui teknik kemahiran penangguhan dan kemahiran

teknik penolakan iaitu mengatakan “TIDAK” dan mengamalkan seks selamat iaitu “ABSTINEN” (Menahan diri daripada melakukan hubungan seks sebelum kahwin).

**(iii) Seks Selamat**

Remaja di beri pendedahan mengenai seks selamat iaitu teknik-teknik perlindungan diri dari jangkitan penyakit seksual dan HIV/AIDS. Remaja berisiko mendapat jangkitan HIV melalui hubungan sek tanpa menggunakan kaedah perlindungan atau berkongsi jarum dengan pasangan yang HIV positif.

Seks selamat ini hanya fokus kepada golongan remaja berisiko (*high-risk*) yang terlibat dalam aktiviti hubungan seksual seperti pekerja seks dan remaja di bawah institusi JKM.

Pakej latihan bagi Modul Cakna Diri – Edisi Remaja ialah empat hari tiga malam.

**(ii) Modul Cakna Diri – Edisi Ibu bapa**

Objekti modul:

- (i) Untuk meningkatkan kefahaman ibu bapa dalam memahami perkembangan fisiologi dan psikososial remaja,



- (ii) Untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran keibubapaan berhubung kesihatan reproduktif remaja dan pendidikan seksualiti.
- (iii) Memberi pendedahan kepada ibu bapa berkaitan penyakit jangkitan seksual dan kesan akibatnya kepada anak remaja; dan
- (iv) Mengukuhkan hubungan yang harmoni antara ibu bapa dengan anak remaja

Modul Cakna diri – Edisi Ibu bapa mengandungi empat komponen utama iaitu Unit 1: maklumat mengenai peranan ibu bapa dalam memahami perkembangan anak remaja mereka khususnya kesihatan reproduktif remaja; Unit 2: memberi fokus kepada ibu bapa untuk memahami kepentingan berbincang mengenai naluri seks remaja; Unit 3: maklumat mengenai tanggung jawab seksual dan tingkah laku yang berisiko remaja, dan unit 4; memberi pendedahan kepada ibu bapa mengenai kepentingan peranan ibu bapa mengawasi dan membentuk perlakuan anak remaja mereka. Tempoh latihan bagi modul ini ialah tiga (3) hari dua (2) malam.

### **(iii) Modul Kesejahteraan Hidup (PLKN)**

Objektif modul:

- (i) Membentuk remaja yang sihat, berdaya tahan (resilient), berakhlak, bertanggung jawab serta berupaya menghadapi cabaran perubahan dalam kehidupan masa kini.
- (ii) Mengukuhkan jati diri remaja melalui penerapan nilai-nilai murni, pembentukan karakter, pembangunan komunikasi berkesan dan kemahiran yang membolehkan mereka mengamalkan cara hidup sihat.
- (iii) Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran golongan remaja bagi membolehkan mereka bertindak sebagai *peer advocates* dalam menyebarkan maklumat penting berkenaan kemahiran hidup (*living skills*) dalam kesihatan reproduktif dan sosial di kalangan rakan sebaya (*peers*).

Pengisian modul ini merangkumi empat komponen iaitu Jantina dan Gender, Kekeluargaan, Pembangunan Kemahiran dan Hidup tanpa keganasan. Modul latihan ini dilaksanakan kepada pelatih-pelatih PLKN dengan kerjasama Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) dan tempoh latihan bagi modul ini ialah empat hari tiga malam.

## **LATIHAN KEJURULATIHAN**

Tenaga pengajar bagi sesi kejurulatihan dikendalikan oleh penulis-penulis modul yang pakar dalam bidang kesihatan reproduktif remaja, jurulatih utama (*master trainers*) yang terdiri daripada pegawai LPPKN serta NGO. Kesemua modul ini adalah dalam bentuk interaktif dengan menggunakan kaedah main peranan (*role play*), kajian kes dan kerja kumpulan. Jurulatih yang mengikuti sesi latihan kejurulatihan ini akan membentangkan unit/aktiviti modul yang dipelajari semasa sesi praktikal. Ini untuk memastikan jurulatih memahami kandungan modul, pengendalian unit/aktiviti dan berupaya menyampaikan maklumat berkaitan kesihatan reproduktif dan seksualiti remaja dengan jelas dan tepat. Sijil kejurulatihan akan diberikan setelah mengikuti sepenuhnya semua latihan. Program PEKERTI ini adalah di bawah peruntuan NBOS dan UNFPA. Walau bagaimana pun kos bagi latihan modul mengikut kadar Fi dan Caj 2008 (LPPKN) iaitu RM300 seorang iaitu maksimum 30 orang peserta bagi 1 hari bengkel.

### **Peruntukan Program bagi menangani gejala sosial**

LPPKN telah menerima peruntukan daripada *United Nations Population Fund* (UNFPA) sebanyak RM328,000.00 bagi tahun 2014, RM780,805.90 bagi tahun 2015 dan pada tahun 2016 sebanyak RM582,234.75 bagi melaksanakan program PEKERTI@KOMUNITI kepada kumpulan sasar. Manakala bagi pelaksanaan program PEKERTI@Sekolah, LPPKN telah menerima

peruntukan di bawah dasar baru sebanyak RM586,600.00 bagi tahun 2014 dan RM448,000.00 bagi tahun 2015 di bawah dasar sedia ada. Untuk memperluaskan lagi pelaksanaan program ini LPPKN juga menerima peruntukan di bawah NBOS sebanyak RM110,195.00 bagi tahun 2015 dan RM140,000 bagi tahun 2016 untuk melaksanakan program PEKERTI@IPGM, PEKERTI@Institusi, PEKERTI@1M4U serta Program PEKERTI di Kafe@TEEN.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA  
[ PARIT BUNTAR ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah langkah yang dilakukan Kementerian dalam mengatasi komposisi penduduk terutamanya golongan muda yang semakin meningkat di kawasan bandar untuk memiliki rumah mampu milik sendiri.**

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Perdana Menteri di dalam Pembentangan Belanjawan 2017 yang lalu telah mengumumkan pelaksanaan 10,000 unit perumahan transit khusus untuk membantu golongan muda terutamanya di bandar-bandar utama di Malaysia.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telahpun melaksanakan perumahan transit yang dikhususkan untuk golongan muda terutamanya yang baru berkahwin. Lokasi pertama yang dilaksanakan adalah di PPR Bukit Jalil di mana KPKT telah memperuntukkan sebanyak 623 unit rumah untuk maksud ini dengan kadar sewaan RM250 sebulan.

Manakala lokasi kedua akan dilaksanakan dalam masa terdekat melibatkan 410 unit PPR Kepong. Kedua-dua PPR ini memiliki 3 buah bilik dan lain-lain kemudahan asas seperti surau, dewan komuniti, padang permainan dan sebagainya.

Selain itu, bagi menyahut saranan YAB Perdana Menteri, KPKT juga sedang merancang pelaksanaan “Perumahan Transit Sejahtera 1Malaysia”. Ia dapat akan membantu golongan muda dengan menyediakan perumahan transit sehingga mereka mampu membeli rumah sendiri yang lebih baik dan selesa.

Cadangan pelaksanaan program ini melibatkan pembinaan unit rumah jenis studio dan rumah dua (2) bilik yang sesuai dan dilengkapi dengan kemas dan kemudahan-kemudahan lain seperti gimnasium, premis perniagaan dan kemudahan wifi.

Oleh kerana pelaksanaan program ini tidak akan melibatkan pemberian peruntukan pembangunan khas daripada Kerajaan, KPKT perlu meneroka *business model* atau pendekatan baru bagi membantu Kerajaan mencapai sasaran yang ditetapkan. Antara pendekatan baru yang boleh dilaksanakan adalah melalui kerjasama pihak swasta (*Private Fund Initiatives* – PFI). Bagi mengurangkan kos pembinaan, Kerajaan telah bersetuju supaya tanah-tanah Kerajaan Persekutuan yang masih belum dibangunkan ditawarkan kepada pihak swasta yang berminat untuk membangunkan projek tersebut. Sebagai permulaan, KPKT telah mengenalpasti 2 lot tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) di Mukim Batu dan Kepong untuk dilaksanakan projek ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KPKT telah menerima 6 cadangan daripada pihak swasta yang telah menyatakan minat untuk bekerjasama dengan Kerajaan dalam melaksanakan



pembinaan perumahan transit ini pada 3 November 2016. Antara agensi Kerajaan yang turut hadir dalam taklimat tersebut adalah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian (JKPTG) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

KPKT masih di dalam proses penilaian terhadap cadangan-cadangan ini dan akan membentangkan penilaian projek tersebut ke Kabinet untuk pertimbangan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2016

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' DR. MUJAHID  
YUSOF RAWA [ PARIT BUNTAR ]**

**SOALAN :**

**YB Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan :-**

- (a) apakah benar berlaku pemotongan biasiswa ke luar negara dan apakah tindakan Kementerian dalam mengatasinya; dan
- (b) apakah bantuan-bantuan yang diberikan kepada pelajar universiti bagi meringankan kos sara hidup yang tinggi.

SULIT

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Pada tahun ini, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan meneruskan pembiayaan program penajaan dengan peruntukan sebanyak RM1.65 bilion untuk menanggung pembiayaan seramai 49,060 pelajar sedia ada iaitu penajaan 41,324 pelajar dalam negara dan 7,736 pelajar di luar negara. Manakala peruntukan tambahan sebanyak RM160 juta lagi telah diluluskan di bawah Pengubahsuaian Bajet 2016 untuk membiayai penajaan pelajar baharu tahun 2016. Dengan penyediaan peruntukan tersebut maka semua pelajar yang ditaja dapat meneruskan pengajian dalam keadaan yang kondusif bagi membolehkan mereka menyempurnakan pengajian dengan jayanya. Ini akan memastikan negara dapat memperoleh bakat terbaik bagi memenuhi keperluan tenaga kerja Perkhidmatan Awam dan negara.
- (b) JPA memberikan biasiswa dan pinjaman merangkumi Yuran Pengajian, Elaun Sara Hidup (ESH), Elaun Buku, Elaun Alat Perkakas, Elaun Tesis, Elaun Latihan Amali, Elaun Pakaian (sekali sahaja), dan Elaun Penempatan. Kadar elaun-elaun ini adalah berbeza mengikut negara dan bidang pengajian yang diikuti oleh pelajar seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

Sekian. Terima kasih.